



SIARAN MEDIA

JAPEN KOMITED MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI MELALUI INISIATIF PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM)

BATU PAHAT, 29 September 2025 – Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN), Puan Julina binti Johan hari ini menyempurnakan penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI (KAM) di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Medan, Batu Pahat, Johor.

Menerusi inisiatif KAM, JAPEN telah berjaya melaksanakan dua (2) pembangunan projek fizikal berimpak tinggi iaitu **penaiktarafan dan pengubahsuaian** bilik darjah kepada makmal komputer, serta **pemasangan heli fan**. Puan Julina turut meninjau sendiri fasiliti yang disediakan di makmal komputer tersebut.

Selain itu, JAPEN terus komited untuk mempertingkatkan kesejahteraan komuniti setempat melalui projek pembinaan blok tambahan di Masjid Pekan Sri Medan yang kini dalam fasa awal kerja tapak dan reka bentuk. Inisiatif ini mencerminkan pendekatan kerajaan MADANI dalam memastikan manfaat dapat terus dinikmati oleh rakyat.

Turut dianjurkan, program PENTARAMA X Kelab Malaysiaku (Edisi Khas) yang menggabungkan pelbagai pengisian menarik. Antaranya, Mini Karnival Pendidikan, *Mini Skillbox*, *Road to Varsity*, BAKTI@Komuniti MADANI dan Kenduri Rakyat MADANI.

Program ini telah mendapat sambutan meriah dengan kehadiran lebih 1,500 pengunjung termasuk pelajar, guru, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Komuniti MADANI Batu Pahat, jabatan serta agensi kerajaan.

Hadir sama, Pengetua SMK Seri Medan, Tuan Haji Masrom bin Rahmat dan Ketua Penolong Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Encik Musa bin Atan.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Penerangan Malaysia